

BELATUK BULAN
Bay Woodpecker

FAMILI: Picidae
NAMA SAINTIFIK: *Blythipicus pyrrhotis*

CIRI-CIRI

Individu jantan dewasa bagi sub-spesies *B.p.pyrrhotis*, ia bersaiz sederhana dengan paruh panjang yang agak pudar dan hampir keseluruhan warna bulu badan adalah kuning kemerahan pekat, mempunyai tompokan merah yang besar di bahagian leher, bahagian sayap mempunyai jalur-jalur kehitaman manakala bahagian ekor berwarna coklat kemerahan dengan jalur-jalur kehitaman di bahagian bulu luarnya. Diperhatikan, warna di bahagian kepala agak lusuh dengan jalur-jalur yang rapat berwarna oren coklat kemerahan di bahagian atas kepala. Bagi burung betina, warna merah di bahagian kepala agak berkurangan. Bagi burung juvenil pula, warna kepala lebih gelap dengan jalur-jalur di bahagian atas kepala agak pudar, bahagian bawah badan lebih gelap dengan jalur-jalur coklat kemerahan yang agak lusuh. Bagi burung juvenil jantan, keseluruhan badan agak lusuh.

SAIZ

Anggaran saiz bagi burung dewasa adalah di antara 26.5-29 sm.

MAKANAN

Makanan utama spesies ini terdiri daripada serangga pada celah-celah pokok.

HABITAT

Spesies ini boleh dijumpai di kawasan hutan tanah pamah, dan kadang kala hutan tanah tinggi. Spesies ini boleh dijumpai sehingga ketinggian 2,745 m dari aras laut; hanya dari 1,065 m dari aras laut di Semenanjung Malaysia).

BUNYI

Burung ini mengeluarkan bunyi yang kuat *keek keek-keek-keek-keek-keek*. Bunyi ia juga merangkumi *dit-d-d-di-di-di-dit-d-d-di-di.....*, dan *kecker-rak-kecker-rak.....* dan menghasilkan bunyi yang kuat *kerere-kerere-kerere* apabila terancam.

PEMBIAKAN

Musim pembiakan bagi spesies ini adalah dari bulan Mac-Jun pada sepanjang tahun. Sarang adalah pada lubang di bahagian pokok dan ketinggian sarang adalah dari 1 hingga 4 m dari aras tanah. Burung betina boleh menghasilkan 2-4 biji telur pada setiap kali ianya bertelur dan telur adalah berwarna putih. Anggaran saiz telur adalah 29.7x21.2 mm.

STATUS

Akta 76/72, dipelihara sepenuhnya.